

LEMBAH KLANG

Banjir kilat akan berakhir

MBSA kesan punca di *hotspot* Seksyen 13 Shah Alam, kerja pembersihan dimulakan

■ JANATUL FIRDAUS YAACOB

SHAH ALAM - Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali bersama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengesan beberapa punca kejadian banjir kilat di Seksyen 13 di sini, termasuk kerangka penyelesaian efektif terhadap fenomena bermusim berkenaan.

Azmin berkata, hasil aduan dibuat rakyat melalui SMS dan Twitter itu mengenal pasti kekurangan dari segi reka bentuk saluran longkang, pemetungan tidak diselenggara dan jumlah kolam takungan tidak mencukupi menjadi penyebab utama aliran air tidak lancar mengundang bencana banjir kilat.

"Tinjauan kita mendapati punca utama insiden banjir kilat di sini ialah reka bentuk longkang monsun di sekitar Stadium Shah Alam yang berbentuk "L". Ia perlu dikaji semula kerana kedudukannya menyukarkan

penyaluran air ke Sungai Damansara ketika aliran banyak mengakibatkan limpahan ke jalan raya sekitar stadium.

"Turut dikesan pemetungan di bawah jalan utama perlu diselenggara kerana ia diselaputi lumpur. Bagaimanapun, memandangkan ia sempit, kerja-kerja pembersihan yang telah dimulakan hari ini (semalam) terpaksa dilakukan secara manual dan dijangka siap beberapa hari lagi," katanya ketika sidang media selepas lawatan ke lokasi banjir di Seksyen 13, di sini, semalam.

Menurut beliau, langkah berkesan lain yang dicadangkan ialah menaik taraf sebuah lagi kolam takungan bersebelahan stadium.

"Dengan adanya kolam takungan itu, aliran air dari stadium dan air hujan berlebihan akan disalurkan ke situ sebelum masuk ke longkang-longkang monsun sebelum dialirkan ke Sungai Damansara," katanya.



Azmin cuba mencari penyelesaian terbaik bagi menamatkan masalah banjir kilat.